

Headline	HARTANAH BARU REKOD 293 PERATUS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 May 2021	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	27	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	540 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,191
Frequency	Daily	PR Value	RM 63,573



Bisnes



PEMBELI hartaanah melihat memiliki hartaanah sebagai kaedah berisiko rendah untuk membina penampungan kewangan.

COVID-19 TAK JEJAS JUALAN RUMAH

HARTANAH BARU REKOD 293 PERATUS

bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jualan hartaanah kediaan di Malaysia dalam segmen tertentu dilihat meningkat meskipun berdepan persekitaran mencabar akibat penularan Covid-19.

Syarikat teknologi hartaanah Asia, Juwai IQI antaranya, mencatatkan jualan hartaanah baru sebanyak 293 peratus setakat ini bagi tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu, malah jualan tahun ini adalah 247 peratus lebih tinggi berbanding 2019.

Pada minggu 10 Mei lalu, syarikat itu memuktamadkan AS\$88 juta (RM364 juta) jualan projek kediamaan baharu di seluruh Malaysia, kira-kira 75 peratus lebih tinggi berbanding kira-kira AS\$50 juta (RM207 juta) yang dicatatkan bagi minggu biasa.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Juwai IQI, Kashif Ansari berkata, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak menjelaskan jualan Juwai IQI di Ma-



laysia seperti yang dijangkakan.

Sebaliknya, jualannya meningkat dalam tempoh PKP berikutan platform teknologi membolehkan pihaknya melayani pembeli.

Justeru, katanya, Juwai IQI terus melabur dalam teknologi dengan menubuhkan pasukan data dan teknologi global seramai 1,000 orang di Kuala Lumpur.

"Berikutan Covid-19, ramai orang percaya ini masa yang tepat untuk membeli rumah. Rakyat Malaysia kurang berbelanja berikutan sekatan wabak.

"Akibatnya, mereka mengumpulkan lebih banyak simpanan dan mahu meng-



Berikutan Covid-19, ramai orang percaya ini masa yang tepat untuk membeli rumah. Rakyat Malaysia kurang berbelanja berikutan sekatan berkaitan wabak"

Kashif Ansari

nutup perniagaan ketika pandemik.

Katanya, kebanyakan rakyat Malaysia masih memperoleh pendapatan, tetapi tidak membelanjakan seperti sebelum pandemik dan ramai menggunakan wang untuk pembayaran pendahuluan hartaanah.

"Ramai melihat sebagai ledakan hartaanah akan datang menjadi penyebab lain orang membeli hartaanah hari ini. Pemerhati menganggarkan pertumbuhan ekonomi, pekerjaan dan pendapatan perlunya meningkat lebih pantas dalam peningkatan semula pasca pandemik berbanding kadar sebelum Covid-19."

"Keadaan itu cenderung bertepatan dengan permintaan dan harga hartaanah yang meningkat.

"Permintaan dipacu oleh kadar faedah yang rendah, pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dan pelbagai inisiatif lain yang berkaitan dengan hartaanah yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2021, termasuk Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana)," katanya.

gunakan wang itu untuk kegunaan yang baik dengan membeli pegangan dalam pasaran hartaanah," katanya dalam kenyataan.

Kashif berkata, Covid-19 membuatkan ramai orang menyedari bahawa kejadian yang tidak dijangka boleh berlaku pada bila-bila masa, justeru pembeli hartaanah melihat memiliki hartaanah sebagai kaedah berisiko rendah untuk membina penampungan kewangan.

Beliau berkata, tinjauan pengguna yang dijalankan pihaknya baru-baru ini mendapati bahawa 70 peratus rakyat Malaysia berdepan sama ada hilang pekerjaan atau terpaksa me-